

WADAH

Edisi 2 2026 | Bilangan 60

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak



Mukasurat 3



Mukasurat 8



Mukasurat 6



Mukasurat 3

PENYERAHAN ZAKAT KEPADA DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH



Mukasurat 8

MAIPK DENGAN KERJASAMA UPSI LANCAR SIRI PODCAST "MAIPK DAN KELESTARIAN WARISAN ADAT MELAYU PERAK"

Mukasurat 6

PENGUMUMAN KADAR ZAKAT FITRAH NEGERI PERAK TAHUN 1447H / 2026M

Sidang Redaksi

Edisi 2 | 2026 | Bil. 60

Wadah

PENASIHAT

Syamsul Hazeman bin Md Salleh
Ketua Pegawai Eksekutif

KETUA EDITOR

Munawir bin Mohamed Noh
Pengurus Besar Bahagian Komunikasi Strategik, Sekretariat & Adat Melayu

EDITOR

Norhidayu binti Sakdon
Pengurus Unit Komunikasi Strategik

Mohd Yakop bin Ikram
Penolong Pengurus Unit Komunikasi Strategik

JURUFOTO

Hamizul bin Othman
Pembantu Tadbir Unit Komunikasi Strategik

Nurul Farzana binti Ahmad Shah
Pembantu Tadbir Unit Komunikasi Strategik

Amirul Khalid bin Ahmad
Pembantu Tadbir Unit Sekretariat

EDARAN

Unit Komunikasi Strategik

DITERBITKAN OLEH:

Unit Komunikasi Strategik
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak,
Tingkat 6, Kompleks Islam Darul Ridzuan,
30000 Ipoh, Perak.
Tel: 05-208 4000 Faks: 05-241 4257

Laman web: www.maipk.gov.my
<https://wakafperak.gov.my/>

Emel: korporat@maipk.gov.my

Facebook: Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

Instagram : ZakatPerak_Official

Tiktok : MajlisAgamaislamPerak

Isi Kandungan

Sidang Redaksi	2
Semasa	3 - 15
Agihan Zakat Mengikut Teras 2024 dan 2025	16

PENYERAHAN ZAKAT PERNIAGAAN, PENDAPATAN DAN SIMPANAN KEPADA DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH DI ISTANA ISKANDARIAH, KUALA KANGSAR

25 FEBRUARI 2026 BERJUMLAH RM7,874,066.76



Penyerahan zakat perniagaan Jakel Ipoh, Perak diwakili oleh Ketua Pegawai Operasi Kumpulan Jakel, YBhg. Datuk Mohamed Nizam bin Mohamed Jakel sebanyak RM300,000.00.



Koperasi Anggota Kerajaan Ipoh Berhad diwakili oleh Pengerusi, Tuan Mohd Hasrizad bin Zaman berjumlah RM103,845.30.



Menteri Besar Incorporated diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, YBhg. Dato' Anuar bin Zainal Abidin sebanyak RM1,000,000.00.



Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Tuan Mohd Azhar bin Mohd Yusof berjumlah RM4,553,453.46.



Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Tuan Zulkefli bin Abdullah sebanyak RM900,000.00.



Royale College Of Medicine Perak yang diwakili oleh Dekan Fakulti Perubatan, Profesor Dr. Syed Rahim bin Syed Hamid berjumlah RM256,769.00



SS Trend Trading yang diwakili oleh Pengasas, Tuan Muhamad Syafi bin Md Sayuti sebanyak RM159,999.00.



Penyerahan zakat pendapatan dan simpanan oleh YBhg. Dato' Dr. Haji Zakaria bin A. Kadir berjumlah RM600,000.00.



Sultan Nazrin berkenan menyerahkan zakat kepada Yang Dipertua, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, YABhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd. Annuar bin Zaini.

28 FEBRUARI 2026 BERJUMLAH RM5,417,188.56



Penyerahan zakat pendapatan oleh YBhg. Dato' Abdullah bin Abdul Mannan sebanyak RM1,000,000.00.



Penyerahan zakat perniagaan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad diwakili oleh Presiden ANGKASA, YBhg. Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah berjumlah RM364,852.56.



Belati diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Johawaki, Tuan Mohamad Akmal bin Dato' Johari sebanyak RM380,000.00.



Boustead Plantations Berhad diwakili oleh Pengarah Urusan, YBhg. Datuk Zulkarnain Md Eusope berjumlah RM434,000.00.



CelcomDigi Berhad, diwakili oleh Head of Region, Northern Region Tuan Farizad Khan bin Msm Mohamed Ali sebanyak RM107,000.00.



Johawaki Plantation Sdn. Bhd. diwakili oleh Ketua Pegawai Pemasaran Kumpulan Johawaki, Tuan Abdul Hadi bin Dato' Abdul Rahim berjumlah RM150,800.00.



Lembaga Jurukur Tanah Malaysia diwakili oleh Setiausaha Lembaga, Tuan Mohd Riza bin Halim sebanyak RM250,000.00.



Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional diwakili oleh Ketua Pegawai Operasi, Mastura binti Mohd Khalid berjumlah RM200,000.00.



Penyerahan zakat pendapatan oleh YBhg. Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal sebanyak RM2,300,000.00.



TM Technology Services Sdn Bhd diwakili oleh Pengurus Besar Rangkaian TM Negeri Perak, Tuan Haji Sallehuddin bin Khalif berjumlah RM230,536.00.



Sultan Nazrin berkenan menyerahkan zakat kepada Yang Dipertua, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, YABhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd. Annuar bin Zaini.

PENGUMUMAN KADAR ZAKAT FITRAH NEGERI PERAK TAHUN 1447H / 2026M

IPOH, 3 Februari 2026 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) mengumumkan ketetapan kadar zakat fitrah negeri Perak bagi tahun 1447H / 2026M oleh Timbalan Mufti Negeri Perak, YBhg. Sahibus Samahah Dato' Haji Zamri bin Hashim di ibu pejabat Zakat Perak Al Ridzuan (ZAPAR). Penetapan kadar ini dibuat berdasarkan harga dan jenis beras di pasaran yang dimakan kebanyakan orang Islam di negeri Perak, pada kadar timbangan satu gantang Baghdad bersamaan 2.6 kilogram.

Selaras dengan ketetapan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak telah diperkenan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan kadar zakat fitrah negeri Perak bagi tahun 1447H / 2026M ditunjukkan jadual berikut :

Bil	Jenis Beras	Kadar Zakat Fitrah
1.	Beras putih import dan beras super spesial tempatan 5%.	RM10.00
2.	Beras perang, beras rebus, herba ponni dan beras wangi atau seumpamanya / setara.	RM16.00
3.	Beras basmathi, beras Jepun / calrose, beras pulut, beras merah atau seumpamanya / setara.	RM25.00





MAIPK melalui ZAPAR melantik seramai 1,735 Penolong Amil Fitrah bagi melancarkan urusan kutipan zakat fitrah tahun ini dan orang ramai diingatkan untuk menunaikan ibadah berkenaan kepada Penolong Amil Fitrah bertauliah yang dilantik oleh pihak ZAPAR.

ZAPAR menggalakkan umat Islam di Perak membayar zakat fitrah lebih awal bagi memudahkan agihan kepada golongan memerlukan, selain menyarankan mereka yang memenuhi syarat supaya turut menunaikan zakat pendapatan, zakat simpanan, zakat perniagaan dan zakat yang lain.

Bagi memudahkan urusan pembayaran, ZAPAR menyediakan saluran pembayaran zakat fitrah atas talian melalui aplikasi MAIPK Bestari dan portal dengan melayari <https://bestari.maipk.gov.my> atau ezakat.maipk.gov.my, termasuk perbankan internet, e-wallet seperti grab, shopee serta platform digital lain. Selain itu, Penolong Amil Fitrah turut menggunakan kaedah digital serta penggunaan QR Code untuk memudahkan pembayaran.

Resit pembayaran akan diberikan secara digital melalui e-mel manakala kaedah kutipan kupon manual masih disediakan melalui Penolong Amil Fitrah di semua kariah negeri Perak.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah ahli lembaga ZAPAR, Syamsul Hazeman bin Md Salleh, Wan Maizura binti Haji Wan Zahari dan Pengurus Besar ZAPAR, Ahmad Nazim bin Md Tajuri.

Selain itu, ZAPAR turut menawarkan dana Wakaf Perak Al-Ridzuan yang merangkumi sembilan projek wakaf iaitu :

Projek Wakaf

1. Wakaf Kediaman Pelajar Institusi Pengajian Tinggi
2. Wakaf Maahad Tahfiz
3. Wakaf Premis Niaga
4. Wakaf Rumah Inap
5. Wakaf Gerobok Makan
6. Wakaf Mesin Dobi Layan Diri
7. Wakaf Pengajian Al-Quran
8. Wakaf Pusat Dialisis
9. Wakaf Am

Masyarakat di negeri Perak digalakkan untuk bersama-sama menghulurkan sumbangan wakaf agar manfaatnya dapat disalurkan kepada golongan yang memerlukan serta menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi ummah secara berterusan.

Sebanyak 18 cawangan ZAPAR di seluruh negeri Perak beroperasi setiap hari sepanjang bulan Ramadan, termasuk pada hujung minggu dan cuti umum. Waktu operasi adalah dari jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang pada hari bekerja, manakala dari jam 9.00 pagi hingga 3.00 petang pada hujung minggu serta cuti umum.



MAIPk DENGAN KERJASAMA UPSI LANCAR SIRI PODCAST "MAIPk DAN KELESTARIAN WARISAN ADAT MELAYU PERAK"



IPOH, 12 Februari 2026 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) dengan kerjasama Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) mewujudkan podcast bersiri Warisan Adat Melayu sebagai inisiatif memperkasa pemeliharaan serta penghayatan adat dan budaya Melayu.

Sebanyak 12 siri podcast akan diterbitkan dan dipengacarakan oleh personaliti Hasrul Azam daripada Kuala Kangsar TV, menampilkan perkongsian ilmiah daripada pengamal budaya berkaitan institusi adat, amalan tradisi, kesenian dan nilai jati diri masyarakat Melayu.

Kolaborasi strategik MAIPk bersama UPSI membuka ruang integrasi antara institusi agama dan akademik dalam usaha memartabatkan adat Melayu dan memperluaskan kefahaman berkaitan warisan dan adat Melayu di negeri Perak. Usaha tersebut juga diharap dapat memastikan identiti Melayu terus terpelihara serta diwarisi oleh generasi akan datang.



Siri pertama podcast menampilkan Yang Dipertua MAIPk, YABhg. Tan Sri Dato Seri Mohd Annuar bin Zaini, yang berkongsi pandangan serta pengalaman mengenai kepentingan memelihara dan memperkukuh warisan adat Melayu dalam masyarakat masa kini.

Untuk menonton siri podcast MAIPk boleh melayari melalui saluran YouTube rasmi MAIPk <https://www.youtube.com/@maipkofficial19892> atau scan qr berikut :



MAIPK PERKASA TAHFIZ DI PENJARA TAPAH

TAPAH, 10 Februari 2026 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) telah mengadakan lawatan tapak ke Sekolah Tahfiz Penjara Tapah sebagai usaha memperkukuh sokongan terhadap program pendidikan al-Quran dan pemerkasaan rohani dalam kalangan penghuni penjara. Lawatan berkenaan telah diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, Tuan Syamsul Hazeman bin Md Salleh, bersama barisan pengurusan MAIPK dan telah disambut oleh Timbalan Komisioner Penjara, Tuan Kamarulzaman bin Ismail, selaku Pengarah Penjara Tapah.

Melalui inisiatif wakaf yang diuruskan oleh MAIPK, dana wakaf telah disalurkan bagi menyokong keperluan pengoperasian dan pembangunan Sekolah Tahfiz Penjara Tapah. Sumbangan ini merangkumi penambahbaikan kemudahan pembelajaran, penyediaan bahan pengajian serta sokongan terhadap pelaksanaan program tahfiz al-Quran secara berterusan.

MAIPK merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada para pembayar wakaf yang telah menyumbang dan menjayakan usaha dakwah dan pemuliharaan melalui pendidikan. Penyaluran dana wakaf ini diharap dapat memberi manfaat berpanjangan kepada pelajar tahfiz di Penjara Tapah, khususnya dalam membentuk sahsiah, memperkukuh disiplin diri serta menyediakan landasan perubahan ke arah kehidupan yang lebih baik selepas pembebasan.



MAIPK ZIARAH DAN SALUR BANTUAN KEPADA LIMA ASNAF DI DAERAH KAMPONG GAJAH

KAMPONG GAJAH, 12 Februari 2026 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) Cawangan Kampong Gajah telah melaksanakan Program Ziarah Asnaf melibatkan lima penerima bantuan sebagai komitmen berterusan memastikan kebajikan golongan asnaf terus terbela. Bantuan yang disalurkan adalah berdasarkan siasatan dan penilaian terperinci bagi memastikan ia benar-benar menepati keperluan penerima.

Antara penerima ialah Encik Mohamad Jais bin Shapiai yang menerima Bantuan Perubatan RM2,000 bagi pembekalan lampin pakai buang selama enam bulan, manakala Puan Hamidun binti Osman yang terlantar akibat strok menerima bantuan perubatan berjumlah RM6,384.40 meliputi lampin pakai buang, susu perubatan dan pelapik cadar.

MAIPK turut meluluskan Bantuan Bina Rumah bernilai RM74,800 kepada Puan Rahanom binti Arjon yang menghidap masalah kesihatan mental serta Puan Zaharah binti Yahya yang kehilangan rumah akibat kebakaran. Selain itu, Encik Zainal bin Abdul Manab menerima Bantuan Baik Pulih Rumah RM20,000 bagi memperbaiki bumbung rumah yang uzur dan bocor.

Program Ziarah Asnaf dihadiri Orang Besar Jajahan Perak Tengah, Toh Seri Bijaya Lt. Kol. (B) Dato' Shahrudin bin Haji Nazari, Pengurus Besar Bahagian Bahagian Agihan Zakat, Suhaimi bin Yusoff, Pengurus Besar Zon Tengah, Shaiful Nizam bin Not, Pengurus Cawangan Kampong Gajah, Muhamad Amir Amirul bin Ismail serta para pekhidmat MAIPK dari ibu pejabat dan cawangan Kampong Gajah.



MAIPK SALUR BANTUAN PERUBATAN DI KUALA KANGSAR

KUALA KANGSAR, 4 Februari 2026 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) terus komited menyantuni golongan asnaf yang memerlukan. Pada kali ini MAIPK menyalurkan Skim Bantuan Perubatan kepada empat orang penerima di sekitar Kuala Kangsar. Penyerahan Bantuan Perubatan tersebut telah disempurnakan oleh Pengurus Besar MAIPK Zon Timur, Zul-Azri bin Hosaini.

Antara penerima Bantuan Perubatan ialah Ungku Uraida binti U Mohamed yang baru sahaja menjalani pembedahan amputasi bawah lutut sebelah kiri akibat jangkitan kuman. Selain itu, kaki kanannya turut mengalami luka dan memerlukan rawatan serta cucian setiap hari. MAIPK menyalurkan bantuan katil hospital, ripple mattress serta Dr. P Tena Pants sebanyak 15 katon bagi kegunaan selama enam bulan dengan jumlah kos bantuan sebanyak RM5,490.00.

Turut menerima bantuan ialah Megat Zharfan Ammar bin Mohd Zahiya, yang mengalami masalah tulang belakang dan buah pinggang sejak dilahirkan dan beliau terpaksa menggunakan tiub kencing. MAIPK telah menyalurkan bantuan perubatan tena pants 4 katon dan foley catheter 23 kotak bagi tempoh selama enam bulan dengan kos keseluruhan RM2,340.00.

Selain itu, Sariah binti Alang Dahman, yang menghidap penyakit kencing manis dan darah tinggi serta bergantung kepada kerusi roda untuk pergerakan harian. MAIPK menyalurkan bantuan perubatan tena pants 16 katon dengan kos keseluruhan RM2,880.00 bagi tempoh enam bulan.

Seorang lagi penerima yang turut disantuni ialah adik Muhammad Aisy Iskandar, yang menghidap Sindrom Down, mengalami alahan yang teruk sehingga memerlukan susu khas. Pihak MAIPK menanggung kos keperluan nestle nutren junior 36 kotak bagi tempoh enam bulan berjumlah RM3,672.00.

MAIPK berharap penyaluran bantuan ini dapat meringankan beban kewangan penerima serta membantu mereka menjalani kehidupan yang lebih selesa dan terurus. Usaha ini mencerminkan komitmen MAIPK dalam memastikan dana zakat dimanfaatkan secara berkesan demi kesejahteraan asnaf dan masyarakat di negeri Perak.





MAIPK ADAKAN KUNJUNGAN HORMAT KE UCSI



PORT DICKSON, 5 Februari 2026 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) telah mengadakan kunjungan hormat ke UCSI Healthcare Group sebagai usaha memperkukuh hubungan strategik serta meneroka potensi kerjasama dalam bidang kesihatan.

Delegasi MAIPK diketuai oleh Ketua Pegawai Operasi MAIPK, Puan Wan Maizura Wan Zahari, bersama barisan pegawai pengurusan. Kunjungan ini telah disambut oleh Pengerusi UCSI Healthcare Group, Tan Sri Dato' Seri Dr. Haji Noor Hisham bin Abdullah.

Pertemuan ini memberi ruang perbincangan berhubung peluang kolaborasi strategik yang berpotensi memberi manfaat kepada masyarakat, khususnya dalam aspek perkhidmatan kesihatan. MAIPK berharap jalinan kerjasama ini dapat direalisasikan secara berperingkat demi kesejahteraan ummah di Negeri Perak.



KUNJUNGAN HORMAT MAIPK BUKA RUANG KOLABORASI STRATEGIK BERSAMA KOLEJ UNIVERSITI VISION



PETALING JAYA, 5 Februari 2026 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) telah mengadakan kunjungan hormat ke Kolej Universiti Vision sebagai usaha memperkukuh jalinan kerjasama strategik dalam bidang pendidikan, pemerkasaan modal insan serta pembangunan potensi pelajar.

Delegasi MAIPK diketuai oleh Ketua Pegawai Operasi MAIPK, Puan Wan Maizura binti Wan Zahari, manakala pihak Kolej Universiti Vision diketuai oleh Naib Canselor merangkap Ketua Eksekutif, Prof. Emeritus Dr. Hamzah bin A. Rahman.

Perbincangan turut menyentuh potensi kolaborasi strategik melibatkan bidang pendidikan, TVET, kesihatan serta peluang pemerkasaan golongan asnaf melalui pendekatan latihan dan pembangunan kemahiran yang bersesuaian.

Kunjungan ini diharap dapat membuka ruang kerjasama yang lebih menyeluruh antara MAIPK dan Kolej Universiti Vision, selari dengan aspirasi MAIPK untuk pemerkasaan pendidikan dan kesejahteraan ummah secara berterusan.



MAIPK TERUS KOMITED MENYOKONG KEBAJIKAN DAN PENDIDIKAN ANAK PERAK DI LUAR NEGARA

MESIR, 5 Februari 2026 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) melalui Atase Pendidikan Negeri Perak, Encik Johar bin Zainal Abidin telah menyalurkan sumbangan tahunan masing-masing berjumlah RM20,000.00 kepada Keluarga Pelajar-Pelajar Islam Perak Mesir dan Badan Kebajikan Anak Perak Jordan selaku persatuan mahasiswa yang mewakili anak Perak di Mesir dan Jordan.

Majlis penyerahan sumbangan turut disaksikan oleh Menteri Penasihat (Pendidikan), YBhg. Dato' Haji Shamsul Najmi bin Haji Shamsuddin. Semoga dana zakat yang disalurkan ini terus memberi manfaat, meringankan beban serta menyokong kelangsungan pengajian para pelajar di Mesir dan Jordan.



PROGRAM CEPA PEMAKANAN SIHAT PERKASA KOMUNITI ORANG ASLI KG. SUNGAI TIANG & KG. SUNGAI KEJAR

GERIK, 10 Februari 2026 - Program CEPA Pemakanan Sihat telah berjaya dilaksanakan selama 2 hari iaitu pada 9 dan 10 Februari 2026 hasil kerjasama strategik antara Perbadanan Taman Negeri Perak, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk), Yayasan Hasanah dan RIMAU, serta penyertaan aktif komuniti setempat.

Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat luar bandar terutamanya dalam kalangan Orang Asli mengenai kepentingan pemakanan dan amalan gaya hidup sihat dalam kehidupan seharian.

Program ini merangkumi ceramah asas pemakanan sihat, konsep Pinggan Sihat Malaysia, keselamatan makanan serta aktiviti memasak sihat secara praktikal. Penduduk didedahkan kepada kepentingan pengambilan makanan seimbang dan teknik memasak rendah minyak yang mudah diamalkan dalam kehidupan harian.

MAIPk turut menyalurkan sumbangan wang tunai bagi menjayakan program serta mengagihkan kotak makanan dan beras kepada penduduk yang memerlukan. Inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan MAIPk dalam memperkasa kesejahteraan komuniti melalui pendekatan pendidikan dan kebajikan.



MAIPK PERKUKUH HUBUNGAN STRATEGIK BERSAMA JKKN PERAK



IPOH, 12 Februari 2026 - Bahagian Komunikasi Strategik, Sekretariat dan Adat Melayu, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) telah mengadakan kunjungan hormat ke Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Perak (JKKN). Kunjungan tersebut diwakili oleh Pengurus Unit Penyelidikan dan Adat Melayu, Encik Muhammad Naquib bin Mohamd Tarmizi dan disambut oleh Pengarah JKKN Perak, Encik Hisham bin Mat Husien bersama Timbalan Pengarah, Encik Muhamad Syazwan Syazan bin Abd Halim serta Pegawai Kebudayaan, Puan Sty Nursaidah binti Mat Desa. Perbincangan yang berlangsung menumpukan kepada potensi kolaborasi strategik antara MAIPK dan JKKN Perak khususnya berkaitan program-program adat Melayu.



RERUAI MAIPK MERIAHKAN KARNIVAL SUKAN RAKYAT KAMI MADANI 2026



IPOH, 14 Februari 2026 - Reruai Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) menerima sambutan menggalakkan daripada pengunjung sempena Karnival Sukan Rakyat Kami MADANI 2026 yang berlangsung di Stadium Mini Sungai Tapah Tambahan.

Kehadiran MAIPK di karnival berkenaan bertujuan memberi ruang kepada orang ramai mendapatkan maklumat serta khidmat nasihat berkaitan skim-skim bantuan yang disediakan, khususnya permohonan Bantuan Persekolahan bagi anak-anak.

Melalui inisiatif ini, pengunjung turut mengambil peluang bersemuka secara terus dengan pegawai MAIPK untuk mendapatkan penerangan lengkap berhubung syarat kelayakan dan tatacara permohonan bantuan, sekali gus memudahkan urusan mereka tanpa perlu hadir ke pejabat.

MAIPK komited untuk terus mendekati masyarakat melalui penyertaan dalam program komuniti seumpama ini, selaras usaha menyantuni golongan yang memerlukan serta memastikan bantuan dapat disampaikan secara lebih berkesan.



PEMBENTANGAN CADANGAN PENUBUHAN PUSAT PENYELIDIKAN BAITULMAL DAN ADAT MELAYU PERAK

IPOH, 11 Februari 2026 - BMajlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) di wakili oleh Ketua Pegawai Pengurusan, Encik Bakri bin Lee telah menerima pembentangan dari Pusat Wakaf, Endowment, Zakat, Khairat dan Sedekah (WEZAS) UPSI. Pembentangan awal tersebut diketuai oleh Pengarah WEZAS, Prof. Madya Dr. Mohd Abdul Nasir bin Abd Latiff menumpukan kepada cadangan penubuhan Pusat Penyelidikan Baitulmal dan Adat Melayu di UPSI.

Pusat tersebut berperanan sebagai pusat kajian dan penyelidikan baitulmal, menjalankan penerbitan dan perundingan dalam bidang kepakaran zakat, wakaf dan adat Melayu Perak serta menjalankan penyelidikan berkenaan bidang zakat, wakaf dan mal bagi memastikan kelestarian dana.



مجلس آغا اسلام
دان عادت ملايو قيراق

Moh Kita kenal Bahagian Wakaf MAIPk



Bahagian Wakaf menyediakan **empat teras perkhidmatan strategik** dalam memperkukuh tadbir urus dan pembangunan aset wakaf negeri Perak.



PENGURUSAN
SEWAAN DAN
PAJAKAN
WAKAF



PENGURUSAN
TEKNIKAL DAN
OPERASI WAKAF



PEMBANGUNAN
HARTANAH
WAKAF



KAJIAN DAN
PENYELIDIKAN
WAKAF

Satu niat, satu pemberian, seribu keberkatan yang tak terhenti walau jasad telah pergi



Moh kome kita berwakaf!
Imbas kod QR sekarang!

@Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak



"Memperteguh Syariat, Melestari Adat"

AGIHAN ZAKAT MENGIKUT TERAS



مجلس أكام إسلام
دان عادت ملابو قبراك



SOSIAL

TAHUN 2024
RM 108,381,296.85

TAHUN 2025
RM 139,802,431.03

PENINGKATAN
29%



PENDIDIKAN

TAHUN 2024
RM 34,626,241.38

TAHUN 2025
RM 40,373,465.34

PENINGKATAN
17%



EKONOMI

TAHUN 2024
RM5,031,144.16

TAHUN 2025
RM 12,455,903.41

PENINGKATAN
148%



INSAN

TAHUN 2024
RM 108,381,296.85

TAHUN 2025
RM 139,802,431.03

PENINGKATAN
11%



INFRASTRUKTUR

TAHUN 2024
RM 34,626,241.38

TAHUN 2025
RM 40,373,465.34

PENINGKATAN
73%



LAIN-LAIN

TAHUN 2024
RM 5,031,144.16

TAHUN 2025
RM 12,455,903.41

PENINGKATAN
30%

Terima Kasih Pembayar Zakat.
Sedikit dari ANDA, besar buat MEREKA

Moh Kite
Berzakat

@Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

www.maipk.gov.my/



Imbas kod QR
Sekarang

